




POLISI WHISTLEBLOWING MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

NO DOKUMEN	: MPM-ABMS-002
KELUARAN / PINDAAN	: 01 / 02
TARIKH KUAT KUASA	: 01 OGOS 2024

DISEDIAKAN	DISEMAK	DILULUSKAN
MUHAMAD HASNIZAM BIN DAKIR, AMP.	MOHD HELMI BIN ARIFIN, PPT.	MUHAMMAD FAIZAL SHAH BIN SARJAN SURI, PMP., AMP.
PENGARAH KANAN UNIT UNDANG – UNDANG DAN INTEGRITI	WAKIL PENGURUSAN	YANG DIPERTUA

	MPM-ABMS-002			
	POLISI WHISTLEBLOWING			
	KELUARAN	01	PINDAAN	02

1.0	PENDAHULUAN
------------	--------------------

Whistleblowing adalah satu pelaporan, pendedahan atau penyampaian maklumat berkenaan kelakuan yang tak wajar seperti penyelewengan, salah laku, amalan-amalan yang salah dan tidak sah dari segi peraturan dan undang-undang yang berlaku di dalam organisasi. Ianya merupakan satu saluran alternatif untuk warga Majlis Perbandaran Manjung (MPM) atau pihak luar yang berurusan dengan MPM untuk membuat aduan sekiranya sistem aduan biasa tidak sesuai digunakan apabila ianya melibatkan pegawai atasan MPM atau kakitangan MPM.

2.0	TUJUAN
------------	---------------

- 2.1 Menggalakkan pengadu melaporkan sebarang aduan secara sistematik;
- 2.2 Mewujudkan ketelusan dan keterbukaaan MPM dalam menerima aduan dari pihak dalaman atau luaran;
- 2.3 Memberi kepercayaan dan keyakinan kepada pemberi maklumat / pengadu dalam melindungi mereka dari sebarang tindak balas dari aduan yang diberi;
- 2.4 Menangani sesuatu pendedahan dengan pendekatan dan tempoh masa yang sesuai;
- 2.5 Untuk berlaku adil terhadap pemberi maklumat dan tertuduh yang dilaporkan. Pemberi maklumat akan diberitahu tentang status pendedahan beliau. Tertuduh juga akan diberitahu tentang tuduhan terhadapnya dan akan diberi peluang untuk menjawab tuduhan-tuduhan tersebut. Identiti dan maklumat peribadi pemberi maklumat dan tertuduh tersebut tidak akan didedahkan kepada mereka yang terlibat di dalam penyiasatan atau mana-mana proses. Yang dibawa adalah fakta kes sahaja manakala identiti pemberi maklumat akan kekal rahsia.

3.0	PEMAKAIAN
------------	------------------

Polisi ini terpakai kepada semua warga kerja yang sedang berkhidmat dengan MPM. Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh pihak berkepentingan, rakan niaga atau mana-mana individu / organisasi yang berurusan dengan warga / fasiliti MPM.

	MPM-ABMS-002			
	POLISI WHISTLEBLOWING			
	KELUARAN	01	PINDAAN	01

4.0	TAKRIFAN
------------	-----------------

4.1 Kelakuan Tidak Wajar

Apa-apa kelakuan yang jika terbukti menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah.

4.2 Pemberi Maklumat

Mana-mana individu yang membuat pendedahan Kelakuan Tidak Wajar atau seseorang yang membuat laporan kepada Pegawai Yang Dilantik sama ada secara lisan atau bertulis.

4.3 Warga MPM

Semua kakitangan yang sedang berkhidmat di MPM sama ada melalui lantikan tetap, kontrak, sementara, sambilan, atau pegawai kader dan pinjaman. Warga MPM juga termasuk Ahli Majlis, Yang Dipertua, Setiausaha Perbandaran, Pengarah Kanan, Pengarah setiap jabatan dan unit.

4.4 Pegawai Yang Dilantik

Pengarah Kanan Unit Undang-undang dan Integriti (Pegawai Integriti).

4.5 Pihak Berkepentingan

Pembekal, kontraktor, vendor, pelanggan, perunding dan mana-mana individu atau syarikat yang berurusan dengan pihak MPM.

5.0	SIAPA YANG BOLEH MEMBUAT ADUAN
------------	---------------------------------------

Aduan boleh dilakukan oleh seluruh warga MPM dan pihak berkepentingan kepada MPM kepada Pegawai Yang Dilantik. Pemberi maklumat akan diberi perlindungan seperti yang terkandung di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711).

	MPM-ABMS-002			
	POLISI WHISTLEBLOWING			
	KELUARAN	01	PINDAAN	02

6.0	SALURAN PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR
------------	--

- 6.1 Hadir secara bersemuka dengan Pegawai Integriti di Pejabat Unit Undang-undang dan Integriti
- 6.2 Melalui surat menyurat :
 Pegawai Integriti
 Unit Undang-undang dan Integriti
 Majlis Perbandaran Manjung
 Jalan Pinang Raja
 32040 Seri Manjung
 Perak Darul Ridzuan
- 6.3 Melalui talian telefon :
 Pegawai Integriti : 05-6898860
- 6.4 Melalui e-mel kepada Pegawai Integriti : hasnizammpm@gmail.com
- 6.5 Sekiranya pendedahan kelakuan tidak wajar dibuat melalui surat menyurat atau emel, pemberi maklumat perlu menyatakan identiti seperti nama, alamat dan no telefon untuk dihubungi.
- 6.6 Pendedahan kelakuan tidak wajar yang dibuat tanpa menyatakan maklumat jelas tentang identiti pemberi maklumat adalah tidak layak diberikan perlindungan dibawah polisi ini. Walau bagaimanapun, maklumat aduan adalah rahsia dan siasatan akan diteruskan berdasarkan maklumat yang disalurkan.

7.0	SKOP PELAPORAN
------------	-----------------------

- 7.1 Seseorang boleh membuat pendedahan kelakuan tidak wajar sekiranya ia berkaitan dengan mana- mana salah laku dan pelanggaran integriti berkenaan urusan rasmi MPM seperti berikut:
- 7.1.1 Rasuah dan penipuan
- 7.1.2 Kesalahan jenayah

	MPM-ABMS-002			
	POLISI WHISTLEBLOWING			
	KELUARAN	01	PINDAAN	01

- 7.1.3 Salah guna wang atau aset MPM
- 7.1.4 Salah guna kuasa
- 7.1.5 Gangguan seksual
- 7.1.6 Ketidapatuhan kepada akta, Undang-undang Kecil dan arahan pentadbiran yang diguna pakai di MPM.
- 7.2 Polisi ini tidak membenarkan pendedahan yang berkaitan dengan isu-isu, aduan atau kebimbangan mengenai:
 - 7.2.1 Perkara-perkara remeh atau tidak serius;
 - 7.2.2 Perkara-perkara yang berniat jahat atau menyakitkan hati atau didorong agenda peribadi;
 - 7.2.3 Perkara-perkara yang melibatkan persoalan terhadap merit dasar Kerajaan terutamanya dasar/polisi MPM;
 - 7.2.4 Perkara-perkara pendedahan yang melibatkan maklumat palsu;
 - 7.2.5 Perkara-perkara yang didedahkan dengan motif untuk mengelakkan dibuang kerja atau tindakan tatatertib yang lain;
 - 7.2.6 Perkara-perkara yang didedahkan di mana Pemberi Maklumat sendiri terlibat dengan salah laku tersebut;
 - 7.2.7 Perkara yang menunggu penyelesaian atau ditentukan melalui prosiding disiplin / tatatertib MPM; atau
 - 7.2.8 Perkara yang menunggu penyelesaian atau ditentukan melalui mana-mana tribunal atau pihak berkuasa atau mahkamah, penimbangtaraan atau lain-lain prosiding yang serupa.

8.0	PROSEDUR MEMBUAT PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR
------------	---

Pemberi maklumat perlu menunjukkan bahawa dia mempunyai alasan yang munasabah dan percaya yang sesuatu kesalahan dijangka berlaku, sedang berlaku atau sudah berlaku.


8.1 Pendedahan Awal

	MPM-ABMS-002			
	POLISI WHISTLEBLOWING			
	KELUARAN	01	PINDAAN	01

- 8.1.1 Pendedahan awal boleh dibuat secara bersemuka, emel (hasnizamppm@gmail.com), berhubung melalui telefon atau melalui surat kepada Pegawai Yang Dilantik.
- 8.1.2 Bagi pendedahan yang dibuat secara bersemuka, Pegawai Yang Dilantik akan menulis pendedahan yang dibuat secara lisan dan disahkan oleh Pemberi Maklumat tersebut. Pendedahan tersebut boleh dibuat di mana-mana tempat yang difikirkan praktikal, bersesuaian dan selamat oleh Pegawai Yang Dilantik.
- 8.1.3 Bagi pendedahan yang dibuat secara emel dan surat, pengendalian dan akses kepada maklumat tersebut hendaklah dikendalikan oleh Pegawai Yang Dilantik sahaja.
- 8.1.4 Pendedahan harus mengandungi sekurang-kurangnya butiran Pemberi Maklumat seperti yang berikut:
 - i. Nama
 - ii. Jawatan
 - iii. Alamat semasa
 - iv. No telefon untuk dihubungi
- 8.1.5 Alasan munasabah untuk laporan tersebut termasuk sebanyak mungkin maklumat kesalahan, contohnya, jenis kesalahan, tarikh, masa dan tempat berlaku kejadian dan identiti pesalah;
- 8.1.6 Maklumat-maklumat saksi (jika ada) ; dan
- 8.1.7 Maklumat atau dengan menunjukkan bukti dokumen (jika ada).

9.0	PROSES PENAPISAN, PENILAIAN DAN SIASATAN
------------	---

- 9.1 Pegawai Yang Dilantik akan menapis dan menilai sesuatu maklumat / pendedahan itu untuk memastikan sama ada maklumat / pendedahan yang diterima adalah lengkap dan berasas serta berkaitan dengan kesalahan / salah laku pelanggaran integriti dalam skop Polisi ini.
- 9.2 Setelah menilai maklumat pendedahan kelakuan tidak wajar berasas atau tidak, Pegawai Yang Dilantik akan mengenal pasti sama ada pendedahan tersebut perlu dirujuk kepada agensi berkaitan sekiranya bukan di bawah bidang kuasa MPM dan rujuk kepada Unit Integriti, Pejabat Setiausaha

	MPM-ABMS-002		
	POLISI WHISTLEBLOWING		
	KELUARAN	01	PINDAAN

Kerajaan Negeri Perak sekiranya ianya melibatkan Yang Dipertua atau meneruskan siasatan dalaman sekiranya ianya berkaitan isu dalaman.

- 9.3 Selanjutnya, Pegawai Yang Dilantik dalam tempoh tidak lebih 30 hari akan menyediakan laporan hasil siasatan dan mengemukakan syor kepada Yang Dipertua atau dalam keadaan-keadaan tertentu mengemukakan laporan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri atau agensi yang berkaitan.
- 9.4 Pertimbangan serta syor tindakan selanjutnya adalah termasuk:
 - 9.4.1 Pendedahan ditolak kerana tidak berasas, maklumat palsu atau maklumat tidak mencukupi atau tidak berkualiti;
 - 9.4.2 Pendedahan dipertimbangkan untuk diambil tindakan di bawah mana-mana prosedur dalaman lain yang difikirkan bersesuaian;
 - 9.4.2 Mengarahkan suatu penyiasatan lanjut ke atas Pendedahan tersebut seperti penubuhan Jawatan Kuasa Khas Siasatan Dalaman (JKSD);
 - 9.4.3 Memutuskan tindakan pemulihan atau pencegahan secara pentadbiran yang akan diambil ke atas warga MPM di mana hukuman yang akan dikenakan termasuk peringatan secara pentadbiran, amaran atau teguran formal, pertukaran penempatan atau diberhentikan perkhidmatannya bagi kes pegawai dalam perkhidmatan kontrak / sementara / sambilan dari MPM atau jenis hukuman yang lain termasuk dalam bentuk;
 - 9.4.4 Sekiranya pihak Pengerusi jawatankuasa berpuas hati dan memutuskan pendedahan / maklumat yang diterima diklasifikasikan sebagai suatu kesalahan jenayah, hendaklah merujuk pendedahan tersebut dan segala maklumat yang berkaitan kepada mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan contohnya pihak PDRM / SPRM dan lain-lain.
- 9.5 Pemberi Maklumat dan orang yang terlibat dalam pendedahan tersebut akan diminta untuk memberi kerjasama sepenuhnya dalam mana-mana peringkat penyiasatan dan lain-lain proses yang dilaksanakan mengikut polisi ini untuk menyempurnakan proses pencarian fakta bagi membantu dalam proses untuk membuat keputusan; dan,

	MPM-ABMS-002			
	POLISI WHISTLEBLOWING			
	KELUARAN	01	PINDAAN	02

9.6 Pemberi Maklumat juga bolehlah dimaklumkan akan tindakan yang telah diambil dan status pendedahan yang telah dibuat.

9.7 Carta Alir Prosedur Whistleblowing seperti di Lampiran A.

10.0	PERLINDUNGAN
-------------	---------------------

10.1 Setelah membuat pendedahan berlandaskan sebab-sebab munasabah dan mengikut polisi ini:

- (a) Pemberi Maklumat akan dilindungi dari tindak balas dalaman MPM sebagai akibat langsung kerana pendedahan yang dibuatnya;
- (b) Identiti dan maklumat Pemberi Maklumat sebagaimana di perenggan 8.1.4 di atas akan dilindungi dan diklasifikasikan sebagai "Rahsia";
- (c) Jika seseorang warga MPM telah menghadapi gangguan, dijadikan mangsa atau dikenakan tindakan balas dalaman disebabkan kesan langsung kerana membuat pendedahan di bawah Polisi ini, Pemberi Maklumat boleh melaporkan perkara tersebut kepada Pegawai Yang Dilantik hendaklah memaklumkan perkara tersebut kepada pihak pengurusan untuk mempertimbangkan dan memutuskan apa-apa remedi yang wajar dan bersesuaian terhadap Pemberi Maklumat.

11.0	PEMBATALAN PERLINDUNGAN
-------------	--------------------------------

Walau bagaimanapun keistimewaan perlindungan-perlindungan dinyatakan dalam perenggan 10 di atas akan hilang secara automatik (setakat yang bersesuaian) sekiranya mana-mana Pemberi Maklumat membuat perlakuan sebagaimana di perenggan 7.2 di atas dan Pemberi Maklumat mendedahkan sendiri aduan tersebut kepada pihak lain.

	MPM-ABMS-002			
	POLISI <i>WHISTLEBLOWING</i>			
	KELUARAN	01	PINDAAN	01

12.0	PENARIKAN SEMULA PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR
-------------	---

Pemberi Maklumat yang ingin menarik balik pendedahan adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, Pegawai Yang Dilantik masih boleh meneruskan siasatan mengenai pendedahan tersebut.

13.0	PENUTUP
-------------	----------------

Dengan kewujudan Polisi *Whistleblowing* ini, ianya akan menjadi panduan bukan sahaja bagi warga MPM malahan kepada pihak berkepentingan dan orang awam. Berdasarkan panduan yang diberikan, semua pihak boleh membuat pendedahan kelakuan tidak wajar tanpa rasa takut dan ragu-ragu.

